




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 524 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 20,422 kes. Hari ini dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu satu (1) di Daerah Tawau dan satu (1) di Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 512 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 3,481 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 767 orang di hospital dan 2,714 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 74 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Daripada 524 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 252 kes (48.09%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 272 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 5 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 962 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 8,583 katil menjadikan jumlah keseluruhan 9,545 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 36.47%.

#### **B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN SEMARAK DAN PPR SRI BALUNG, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah mengumumkan pelaksanaan PKPD di Taman Semarak dan PPR Sri Balung, Tawau bermula 26 Oktober 2020 sehingga 8 November 2020.
- 2 Penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM mendapati situasi kes COVID-19 di kedua-dua lokaliti ini mencatatkan penurunan kes dan terkawal.
- 3 Atas nasihat KKM, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju agar pelaksanaan PKPD di kedua-dua lokaliti ini ditamatkan pada 8 November 2020 seperti yang dijadualkan.
- 4 Walau bagaimanapun, lokaliti-lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuatkuasa.

#### **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **148,394** bakul makanan telah diagihkan.

**D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 66 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 43,235 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 164 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 47 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 84 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.20%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 55 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di lima (5) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Semporna, Tawau dan Tuaran.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di enam (6) lokasi di Daerah Lahad Datu.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

08 November 2020